



**1. PEMBANTU JURURAWAT
JABATAN PERKHIDMATAN KEJURURAWATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.4-5 EB.6 (\$930 - \$1,850 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 26**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Sijil Pembantu Jururawat (Kejururawatan Am / Perbidanan) atau sebanding dan bersesuaian.
2. Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei*) atau mana-mana Lembaga yang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

SYARAT-SYARAT LAIN :

Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa jika diperlukan termasuk secara bergilir (*shift*) atau *on-call* dan diaturkan bertugas di mana-mana perkhidmatan Hospital atau Kesihatan Masyarakat di seluruh negara sebagaimana yang diarahkan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU JURURAWAT:

PEMBANTU JURURAWAT (KEJURURAWATAN AM):

1. Melaksanakan tugas-tugas kejururawatan berdasarkan garis pandu dan tatacara perawatan.
2. Melaksanakan jagaan perawatan mengikut amalan perawatan yang teratur, selamat dan bersistematik bagi keselesaan dan kesejahteraan pesakit / klien.
3. Memberi nasihat dan tunjuk-ajar kepada pesakit / klien serta keluarga, mengenai jagaan perawatan dan pendidikan kesihatan.
4. Membuat pemerhatian ke atas pesakit / klien dan mencatat laporan dengan jelas dan betul ke dalam dokumen-dokumen yang tertentu.



5. Melapor kepada jururawat yang lebih kanan jika menghadapi masalah dalam bidang tugas.
6. Bekerjasama membantu kerja-kerja rakan sejawat.
7. Bekerjasama dengan pihak-pihak yang tertentu bagi memastikan pemeliharaan dan kebersihan di bahagian tempat bertugas dikendalikan dengan teratur dan memuaskan.

PEMBANTU JURURAWAT (PERBIDANAN):

1. Melaksanakan tugas-tugas berdasarkan garispanduan dan tatacara perawatan perbidanan.
2. Melaksanakan jagaan dan perawatan ke atas wanita atau ibu mengandung serta anak damitnya mengikut pelan jagaan perbidanan yang teratur, selamat dan bersestematik.
3. Mendokumen kemajuan dan melapor kepada Jururawat (Perbidanan) yang kanan tentang *abnormal findings* atau kesan sampingan ke atas wanita atau ibu mengandung serta anak damitnya.
4. Memberi perhatian khusus kepada wanita atau ibu mengandung serta anak damitnya dari segi keperluan fizikal dan *psychosocial*.
5. Memberi nasihat dan pendidikan kesihatan kepada wanita atau ibu mengandung serta keluarga mengenai persediaan yang diperlukan semasa mengandung, bersalin dan dalam pantang.
6. Bertanggungjawab memberi rawatan asas kecemasan perbidanan kepada wanita, ibu dan anak damit sebelum ketibaan doktor.
7. Membantu Pegawai Perbidanan yang kanan, Pegawai Obstetrik dan Ginekologi, Pegawai Perubatan atau Doktor Pediatrik semasa menjalankan pemeriksaan terhadap wanita, ibu dan anak damit.



8. Membuat persediaan untuk ward *round* dan memberi maklumat tentang pemerhatian dan kemajuan perawatan ke atas wanita, ibu dan anak damit.
9. Membuat pemeriksaan dan pengawasan ke atas perkembangan kandungan bagi ibu-ibu mengandung.
10. Membantu semasa melahirkan (*conduct delivery*) dengan diawasi oleh Jururawat (Perbidanan) yang lebih kanan bagi memastikan keselamatan ibu dan anak damitnya semasa kelahiran.
11. Memberi bantuan dan tunjuk ajar kepada ibu bagi penyusuan susu ibu yang berkesan.